



KUMPULAN YAYASAN SABAH

Menara Tun Mustapha

Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah

Teluk Likas, Peti Surat 11623

88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424

E-mel: ysinfo@ysnet.org.my

Laman Web: <http://www.yayasansabahgroup.org.my>

SIARAN MEDIA

[MEDIA RELEASE/STATEMENT]

UNTUK SIARAN SEGERA

25 Mac 2024

MAJLIS BERBUKA PUASA KUMPULAN YAYASAN SABAH BERSAMA MASYARAKAT

Tamparuli (Isnin): Kumpulan Yayasan Sabah melalui Zon Pantai Barat Selatan, telah menganjurkan acara Iftar pada 24 Mac 2024, menghimpunkan masyarakat setempat untuk berbuka puasa di bulan Ramadan yang mulia.

Majlis diadakan bertempat di Masjid Baitul Rahman, Kampung Sungai Damit, Tamparuli. Seramai 100 orang telah menghadiri majlis ini. Turut hadir ke majlis tersebut ialah Datuk Jahid Jahim, Menteri Pembangunan Luar Bandar Negeri Sabah merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri N14 Tamparuli serta Datuk Seri Panglima Madius Tangau, Pengerusi Sabah Electricity Sdn. Bhd. merangkap Ahli Parlimen P170 Tuaran dan Ketua Pentadbir Zon, Yayasan Sabah Zon Pantai Barat Selatan, Puan Linda Anthony.

Puan Linda turut menyampaikan sumbangan Kumpulan Yayasan Sabah kepada Masjid Baitul Rahman, Kg. Sungai Damit pada majlis tersebut.

Kumpulan Yayasan Sabah menghulurkan bantuan kepada 10 keluarga Asnaf yang berasal daripada Kampung Sungai Damit, sumbangan ikhlas serta sumbangan 2 set kelengkapan jenazah untuk Masjid Baitul Rahman.

Selain usaha amal Kumpulan Yayasan Sabah, program Iftar ini melambangkan peluang penting buat Kumpulan Yayasan Sabah untuk mengukuhkan hubungan organisasi dengan masyarakat selain menitikberatkan perihal kebajikan masyarakat dan memupuk ikatan kepercayaan berkekalan bersama.



Gambar 1: Salah seorang penerima sumbangan yang disampaikan oleh Datuk Jahid Jahim.



Gambar 2: Salah seorang penerima sumbangan yang disampaikan oleh Datuk Seri Panglima Madius Tangau.



Gambar 3: Puan Linda menyampaikan sumbangan Kumpulan Yayasan Sabah kepada Pengerusi Masjid Baitul Rahman Kg. Sungai Damit, Encik Shukur Uwin.



Gambar 4: Penduduk Kg. Sungai Damit berbuka puasa bersama staf Kumpulan Yayasan Sabah.

-----TAMAT-----

Sebarang maklumat, sila hubungi:

Sam S. Karnail
Pengurus Kumpulan
Bahagian Komunikasi Korporat
Kumpulan Yayasan Sabah
Tel. : 088-326448
Faks : 088-421526
Emel : ynwaskarnail@gmail.com